

# T3 MYCIN GEL

Clindamycin Phosphate (1.0% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan T3 Mycin Gel
2. Bagaimana T3 Mycin Gel berfungsi
3. Sebelum mengambil T3 Mycin Gel
4. Cara menggunakan T3 Mycin Gel
5. Semasa menggunakan T3 Mycin Gel
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan T3 Mycin Gel
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang T3 Mycin Gel. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil T3 Mycin Gel berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

**Apakah kegunaan T3 Mycin Gel**  
T3 Mycin Gel digunakan untuk merawat jerawat.

## Bagaimana T3 Mycin Gel berfungsi

T3 Mycin Gel mengandungi Clindamycin Phosphate, sejenis antibiotik lincosamide yang berfungsi dengan mengurangkan pertumbuhan bakteria kulit yang menyebabkan jerawat.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum menggunakan T3 Mycin Gel

### -Bila tidak boleh menggunakan

Alahan (hipersensitif) kepada Clindamycin, lincomycin atau mana-mana bahan yang disenaraikan pada hujung risalah ini.

Jika bungkus menunjukkan tanda-tanda penyalahgunaan.

Jika tarikh tamat (EXP) dicetak pada pek telah berlalu.

Individu yang mempunyai masalah penyakit usus, terutamanya kolitis (keradangan pada lapisan dalam usus).

Clindamycin tidak boleh digunakan pada bayi yang baru lahir.

### Mengandung dan penyusuan

Tiada laporan yang menunjukkan Clindamycin selamat digunakan pada ibu mengandung. Terdapat laporan yang menunjukkan Clindamycin didapati di dalam susu ibu, oleh itu ia tidak digalakkan untuk ibu-ibu yang meyusu.

### -Sebelum menggunakan T3 Mycin Gel

Penggunaan Clindamycin pada jangkitan bukan bakteria tidak memberikan manfaat dan meningkatkan risiko rintangan bakteria terhadap ubat.

Clindamycin perlu digunakan untuk jangkitan serius di mana ejen-ejen antimikrobial yang kurang toksik adalah tidak sesuai.

Tiada maklumat boleh didapati bagi penggunaan Clindamycin pada kanak-kanak di bawah umur 12 tahun. Pemantauan fungsi organ adalah wajar.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat boleh berinteraksi dengan T3 Mycin Gel. Ini termasuk:

- antibiotik erythromycin
- ubat-ubatan *neuromuscular blocking* (digunakan untuk mengendurkan otot dalam anestesia)

Beritahu doktor anda jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan T3 Mycin Gel

### -Berapa banyak harus digunakan

Sapukan lapisan gel yang tipis/nipis pada kawasan kulit yang terjejas dua kali sehari.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

### -Bila perlu digunakan

Pagi dan malam

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika anda tidak pasti berapa lama anda perlu menggunakan T3 Mycin Gel, periksa dengan doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Jangan bimbang jika kadangkala anda lupa untuk menggunakan produk, terus menggunakannya apabila anda mengingatinya.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda menggunakan terlalu banyak T3 Mycin Gel, anda mungkin mengalami kesan-kesan sampingan seperti yang disenaraikan dalam risalah ini.

# T3 MYCIN GEL

Clindamycin Phosphate (1.0% w/w)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika and berfikir anda atau orang lain terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang tanda keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan T3 Mycin Gel

### -Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda hamil semasa anda menggunakan T3 Mycin Gel, beritahu doktor anda. Jika anda mula mengambil ubat-ubatan baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang menggunakan T3 Mycin Gel.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memberikan T3 Mycin Gel kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan penggunaan pada mata

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, T3 Mycin Gel boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan. Sekiranya berlaku, kebanyakannya adalah tidak serius dan sementara. Walaubagaimanapun kesan sampingan yang serius memerlukan perhatian perubatan.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mendapati apa-apa kesan sampingan yang berikut semasa penggunaan, atau beberapa minggu selepas berhenti rawatan dengan T3 Mycin Gel:

- Sakit perut
- cirit-birit berair dan teruk, yang mungkin juga berdarah
- demam, atau kombinasi dengan satu atau kedua-dua perkara di atas

Clindamycin telah dikaitkan dengan kolitis yang serius dan boleh menyebabkan kematian.

Kesan sampingan yang lain termasuk keradangan kulit melalui sentuhan, kerengsaan (cth: kemerahan, pengelupasan dan melecur), kulit berminyak, kulit kering dan keradangan folikel rambut.

Jangan mengambil sebarang ubat cirit-birit tanpa mendapatkan nasihat dari doktor anda

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan T3 Mycin Gel

### -Penyimpanan

Simpan T3 Mycin Gel di tempat yang sejuk dan kering..  
Simpan di bawah suhu 30°C.  
Jauhkan daripada jangkauan kanak-kanak

### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna produk

T3 Mycin Gel adalah gel lutsinar jernih

T3 Mycin Gel terdapat di dalam tiub plastic 25g.

### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:

Setiap tiub mengandungi 1.2% w/v Clindamycin Phosphate.

(bersamaan dengan 1.0% w/w Clindamycin).

-Bahan-bahan tidak aktif:

Purified water, Polyethylene, Glycol 400, Methylparaben, Propylparaben, Propylene Glycol, Sodium hydroxide, carbomer 940.

### -Nombor MAL:

MAL19990101A

## Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

## Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

-14/07/2015

## Nombor siri

BPFK(R4/1)140715/00194